

17 AUG 2001

DR MAHATHIR AKAN TEMU PENUNTUT MALAYSIA DI HADHRAMOUT

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

ADEN, 17 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dijadual bertolak dari Aden ke bandaraya Seiyoun di Hadhramout pada hari ketiga lawatan empat hari beliau ke Yemen.

Sejurus selepas tiba, Perdana Menteri akan bertemu dengan penuntut-penuntut Malaysia di fakulti undang-undang Universiti Al-Ahqaf di Ta'arim sebelum menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Al-Rawdhah.

Kemudian, Dr Mahathir akan bertemu dengan para ulama di Darul Mustafa dan selepas itu delegasi Malaysia akan diraikan pada majlis makan tengah hari yang dianjurkan oleh Gabenor Hadhramout, Abdul Kader Ali Hilal di Al-Hawta Palace Hotel.

Perdana Menteri juga akan melakukan lawatan singkat ke bandaraya Shibam yang menempatkan pelbagai khazanah peninggalan sejarah Yemen.

Dr Mahathir dan rombongan termasuk anggota media Malaysia yang membuat liputan lawatan itu dijadual meninggalkan Seiyoun untuk ke Sana'a pada 5.30 petang (10.30 malam waktu Malaysia).

Lawatan beliau ke Yemen bertujuan memperkukuhkan hubungan antara Malaysia dan negara Asia Barat itu yang mempunyai 18 juta penduduk dan sebagai membalas lawatan presiden Yemen, Ali Abdullah Saleh ke Malaysia pada 1998.

-- BERNAMA

MAM PR